

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE KIONG

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah hasil rundingan Kementerian bersama dengan kerajaan Brunei Darussalam berkaitan pelaksanaan caj perkhidmatan keluar dan masuk yang dikenakan kepada semua individu yang melalui pos kawalan dan sempadan Brunei dan apakah keputusan sepakat yang telah diperolehi demi manfaat kedua-dua negara.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kewangan dan Ekonomi Brunei Darussalam melalui siaran akhbar bertarikh 9 Julai 2020 telah memaklumkan bahawa satu Perintah Bayaran Keluar dan Masuk, 2020 dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2020. Perintah ini memberi kuasa kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam untuk mengenakan caj ke atas setiap orang yang akan keluar dari atau masuk ke negara tersebut melalui pos-pos kawalan darat. Caj yang akan dikenakan adalah sebanyak BND3.00 (kira-kira RM9.30) seorang bagi setiap satu hala perjalanan.

2. Objektif utama pelaksanaan caj ini adalah untuk menyelaraskan bayaran dan caj-caj yang telah dikenakan pada masa ini kepada orang ramai yang keluar dari atau masuk ke Brunei Darussalam melalui laluan udara dan laut. Caj ini akan dikenakan kepada semua warganegara Brunei Darussalam dan warganegara asing yang hendak keluar atau masuk ke negara tersebut melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki.

3. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak telah mengutus surat kepada Kerajaan Brunei Darussalam untuk memohon agar rakyat Malaysia dikecualikan daripada Perintah tersebut. Susulannya, YB Dato Seri Setia Haji Erywan Pehin Yusof, Menteri Luar Negeri II Brunei Darussalam, melalui surat bertarikh 30 Julai 2020 kepada YB Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Kerajaan Negeri Sarawak, telah memaklumkan

NO. SOALAN : 62

keputusan Kerajaan Brunei Darussalam untuk menangguhkan tarikh kuat kuasa Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk kepada 1 Oktober 2020. Perkara yang sama telah dimaklumkan kepada YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Luar Negeri.

4. Kerajaan akan terus merundingi perkara ini dengan Kerajaan Brunei Darussalam untuk mencari jalan penyelesaian yang baik.

Sekian, terima kasih.